



## 100 keluarga terima elaun program komuniti AmBank-MyKasih

KUCHING, Khamis — Sekumpulan 100 keluarga berpendapatan rendah di sini mendapat faedah daripada program komuniti AmBank-MyKasih di Sarawak apabila menerima elaun berjumlah RM104,000 untuk pembelian barang keperluan daripada kedai-kedai terpilih.

Pengerusi Kumpulan AmBank Tan Sri Azman Hashim hari ini berkata di bawah program itu, setiap penerima diberi elaun RM20 satu keluarga setiap minggu atau RM80 sebulan selama setahun, untuk membantu mengurangkan kos pembelian bahan makanan harian.

“Bila kami melihat kepada sumbangan untuk mereka yang kurang bernasib baik dan miskin tegar, kami memastikan sumbangan itu sampai kepada penerima yang layak dan mereka dapat menikmati faedahnya dalam bentuk bahan makanan seperti beras, gula, tepung, susu dan minyak masak yang mereka beli daripada peruncit terpilih,” katanya dalam satu kenyataan di sini.

Sementara itu Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan MyKasih Jeffrey Perera berkata program itu juga mengadakan pelbagai kursus yang sesuai untuk keperluan keluarga penerima bantuan sementara sukarelawan dari pertubuhan yang menderma dan pertubuhan bukan kerajaan membantu mengadakan kursus celik kewangan.

Kursus itu bagi membantu anggota dewasa keluarga menguruskan kewangan mereka serta meningkatkan kemahiran menguruskan perbelanjaan.

Setakat ini, kumpulan AmBank menyumbang sejumlah RM1,425,000 untuk program itu dan buat masa ini memberi komitmen di 12 lokasi seluruh negara termasuk Sarawak. - Bernama